

18 OCT 1996

MKN - Pekerja Asing

PENJARA DAN SEBAT UNTUK HALANG KEMASUKAN PEKERJA HARAM

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Hukuman penjara mandatori sehingga lima tahun, sebatan dan denda lebih tinggi merupakan antara langkah tegas yang dicadangkan dalam pindaan terhadap Akta Imigresen bagi menyekat kemasukan pekerja asing secara haram ke negara ini.

Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN), Datuk Jaafar Ismail berkata mengikut cadangan pindaan itu, mana-mana majikan, individu dan sindiket yang membawa masuk pekerja asing secara haram boleh dipenjarakan antara enam bulan dan lima tahun, disebat dan didenda antara RM10,000 dan RM30,000.

"Cadangan pindaan itu sudahpun diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara dan kerajaan sedang berusaha untuk membentangkannya pada persidangan Parlimen yang sedang berlangsung," katanya pada persidangan berita di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Petang semalam Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempengerusikan mesyuarat majlis itu yang memberi tumpuan kepada masalah sosial akibat kehadiran pekerja asing di negara ini.

Pada malamnya Perdana Menteri memberitahu pemberita bahawa MKN membuat keputusan mengambil pendirian tegas bagi membendung kemasukan pekerja asing secara haram termasuk mengenakan hukuman sebat.

Majlis Tertinggi (MT) Umno yang memandang berat masalah sosial yang dibawa oleh pekerja asing, meminta MKN mengkaji semula kemasukan mereka.

Kini terdapat 1.5 juta pekerja asing yang berdaftar manakala bilangan yang masuk secara haram pula hampir sama dengan angka itu.

Jaafar berkata pindaan kepada akta itu melibatkan penggajian pekerja asing yang masuk secara haram, pemalsuan dokumen imigresen dan hukuman terhadap anggota sindiket yang membawa masuk pekerja asing secara haram.

Mengikut pindaan yang dicadangkan, majikan atau individu yang menggaji pekerja asing yang masuk secara haram boleh didenda tidak kurang daripada RM10,000 bagi setiap pekerja.

"Jika melebihi lima pekerja, hukuman penjara mandatori tidak kurang daripada enam bulan boleh dikenakan. Peraturan ini turut meliputi pegawai-pegawai syarikat yang menggaji pekerja asing terbabit," katanya.

Bagi kesalahan pemalsuan atau pengesahan dokumen imigresen, hukuman yang boleh dikenakan ialah denda tidak kurang daripada RM30,000 dan penjara mandatori tidak kurang daripada lima tahun dan sebat.

Anggota sindiket yang membawa masuk pekerja asing secara haram pula boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM30,000 dan hukuman penjara mandatori tidak kurang daripada dua tahun dan sebat.

Bagi pekerja asing yang telah diusir tetapi kembali semula ke negara ini, mereka akan dikenakan hukuman sebat.

Jaafar berkata pindaan itu juga terpakai di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

"Pindaan kepada akta itu terpaksa dibuat kerana peruntukan yang sedia ada tidak jelas dan tidak spesifik manakala hukuman-hukumannya pula di dapati tidak begitu berkesan," katanya.

Jaafar berkata MKN memandang serius kemasukan pekerja asing secara haram ke negara ini kerana kehadiran dan aktiviti mereka yang bercanggah dengan undang-undang dan peraturan negara merupakan ancaman kepada keselamatan Malaysia.

Majlis itu juga memandang berat perbuatan pekerja asing yang bercanggah dengan adat resam dan nilai masyarakat tempatan sehingga boleh menjejaskan ketenteraman awam dan keharmonian masyarakat, yang perlu segera dibendung.

"Walaupun kita masih memerlukan pekerja asing, kehadiran mereka perlu diaturkan secara betul dan pekerja-pekerja asing ini hendaklah mengikut undang-undang negara dan peka kepada adat resam masyarakat tempatan," katanya.

MKN juga membuat keputusan untuk meningkatkan kawalan di sepanjang pantai negara bagi mencegah kemasukan pekerja asing secara haram.

Angkatan Tentera, Askar Wataniah dan Rela akan digerakkan untuk tujuan itu dan kerajaan akan membekalkan peralatan yang boleh meningkatkan keupayaan mereka, katanya.

Jaafar berkata perbincangan akan diadakan dengan negara-negara yang dikenal pasti ramai rakyatnya masuk secara haram ke negara ini untuk menguruskan proses pengusiran secara sistematik, termasuk menggunakan kapal tentera laut masing-masing.

Beliau juga berkata pembekuan pengambilan pekerja asing dikekalkan buat sementara waktu.

Menurutnya apabila dibuka semula, permohonan baru akan mengambil kira keupayaan majikan menyediakan tempat tinggal yang teratur untuk pekerja asing mereka.

Tindakan tegas akan diambil terhadap majikan yang melanggar undang-undang dan peraturan mengikut Akta Pasport dan Akta Imigresen yang dipinda. Pemeriksaan rambang akan dipertingkatkan, katanya.

Operasi bersepadu di kawasan-kawasan setinggan dan penempatan pendatang tanpa izin juga akan dipertingkatkan. -- BERNAMA

AH RHM MAI